

27 OCT 2003

MIC-Senyap (Analisis Berita)/I

SIKAP MEMBISU SUBRAMANIAM CETUS SPEKULASI DALAM MIC

Oleh: S. Retna

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Sikap membisu Timbalan Presiden MIC Datuk S. Subramaniam terhadap komen Presiden Barisan Progresif India Malaysia (IPF) Datuk M.G. Pandithan meminta Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu supaya berundur, telah menimbulkan pelbagai spekulasi.

Subramaniam, yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tidak langsung membuat sebarang ulasan sejak Pandithan, yang juga bekas naib presiden MIC, membuat kenyataan mengenai Samy Vellu itu minggu lepas.

Pandithan juga dilaporkan berkata IPF akan dapat menyertai Barisan Nasional jika Subramaniam menerajui MIC kerana penghalang utama kemasukan partinya itu dalam BN adalah Samy Vellu.

IPF sudah beberapa kali memohon untuk menyertai BN tetapi permohonan mereka ditolak berdasarkan bantahan daripada MIC yang diterajui oleh Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya.

Pandithan pernah membuat saranan seperti itu beberapa kali sebelum ini tetapi kali ini kenyataan beliau itu membawa maksud yang mendalam berikutan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu temubual dengan Bernama, supaya pemimpin veteran parti komponen BN berundur bagi memberi laluan kepada pemimpin muda.

Sejak minggu lepas, terdapat pelbagai reaksi terhadap pandangan Pandithan dengan kebanyakan mereka meminta ketua IPF itu supaya jangan campur tangan dalam politik MIC.

Kesemua tiga naib presiden MIC, Datuk S. Veerasingham, Datuk G. Palanivel dan Tan Sri K.S. Nijhar, meminta Pandithan "menjaga tepi kain sendiri".

Mereka juga mahu Samy Vellu, yang menang tanpa bertanding sebagai Presiden MIC untuk penggal kesembilan berturut-turut pada 8 Mac lepas, terus memimpin parti itu.

Bagi menghangatkan lagi isu itu, presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas, semalam berkata hanya Samy Vellu sahaja merupakan pemimpin berkaliber untuk mengetuai masyarakat India buat masa ini.

"Selain Samy Vellu, saya tidak melihat mana-mana pemimpin yang mampu memimpin masyarakat India," katanya.

Subramaniam menyertai MIC sebagai ahli biasa pada 1962. Beliau seterusnya menjadi timbalan presiden untuk kali pertama pada 1981, dan meletak jawatan untuk seketika pada 1990, dan kembali menjawat jawatan itu tanpa bertanding pada tahun berikutnya.

Walaupun terdapat pelbagai reaksi daripada pemimpin masyarakat India di negara ini, Subramaniam memilih untuk berdiam diri mengenai perkara itu dan enggan melayan pertanyaan media.

Bernama, hari ini, cuba beberapa kali menghubungi beliau tetapi sekadar dapat sampai ke kotak pesanan suara pada telefon bimbitnya. Sebelum itu, pada percubaan awal, timbalan menteri itu meminta supaya "memanggil balik" kerana beliau sibuk melawat "seorang di hospital".

"Kenapa beliau harus membisu jika beliau tidak mempunyai sesuatu untuk disembunyikan. Beliau sepatutnya menjadi orang pertama meminta Pandithan supaya jangan mencampuri MIC tetapi ianya menjadi sebaliknya," kata seorang pengerusi bahagian MIC dan penyokong kuat Samy Vellu, yang tidak mahu namanya disiarkan.

Bagaimanapun, beberapa pemimpin MIC berpendapat bahawa Subramaniam mungkin berdiam diri kerana menganggap Pandithan hanya "merapu" dan isu itu

akan lenyap begitu sahaja.

"Kenapa Subramaniam perlu memberi reaksi kepada gesaan bekas anggota MIC itu. Jika beliau berbuat demikian maka beliau tidak akan mempunyai masa untuk melakukan perkara lain kerana setiap hari mungkin ada bekas ahli MIC yang kecewa berkata sesuatu tentang MIC," kata seorang lagi pemimpin bahagian, yang tidak mahu dikenali.

Mungkin itu merupakan pandangan yang waras, tetapi timbalan presiden MIC itu harus tahu bahawa ianya penting bagi dirinya untuk menjelaskan perkara itu kerana kebanyakan pemimpin peringkat bawahan kini membuat kesimpulan bahawa pemimpin nombor satu MIC dan timbalannya tidak lagi sehaluan.

"Ini mungkin membawa kepada perpecahan dalam MIC," kata pemimpin bahagian berkenaan.

Walaupun tempoh dua tahun bagi pemilihan parti itu lama lagi tetapi pilihan raya umum akan tiba dan BN bukan sahaja memerlukan sokongan kuat kesemua 14 parti komponennya bagi membolehkan kemenangan yang lebih baik.

-- BERNAMA

SR AHH DC MAI